

11 - 12 MEI 2023 | RERUAI PAMERAN INSTUN @ KARNIVAL ALAM KITA

Karnival Alam Kita anjuran Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang telah diadakan pada 11 dan 12 Mei 2023 menyaksikan ramai rakyat Kelantan yang turun ke pekarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV. Pelbagai aktiviti menarik seperti ceramah perdana, *Fun Ride*, cabutan bertuah dan reruai pameran dari Jabatan serta Agensi di bawah Kementerian.

Karnival Alam Kita telah dirasmikan oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). YB Menteri turut sama menyerahkan bantuan CSR daripada pihak TNB dan SEDA kepada para asnaf. Turut hadir YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri NRECC serta YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha NRECC.

INSTUN selaku Jabatan di bawah NRECC turut menyertai pameran ini. Selain beramah mesra bersama pengunjung serta memperkenalkan INSTUN, YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim turut berkesempatan untuk bersiaran secara langsung di Facebook INSTUN menerusi segmen *INSTUN Corner*.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pengunjung dan urus setia Karnival Alam Kita, semoga berjumpa lagi!



X



